

SIARAN MEDIA

KARNIVAL KITA MADANI PERINGKAT NEGERI PAHANG TAHUN 2025 PERKUKUH SEMANGAT PERPADUAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

TEMERLOH, 6 September 2025 – Karnival Kita MADANI Peringkat Negeri Pahang Tahun 2025 akan berlangsung pada **7 September 2025 (Ahad)** bertempat di **Dewan Sri Ketumbit, Kerdau, Temerloh Pahang**. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Negeri Pahang dengan kerjasama Komuniti MADANI Daerah Temerloh.

Pelbagai pengisian menarik menanti para pengunjung antaranya:

- Pameran perkhidmatan kerajaan dan agensi swasta
- Jualan Rahmah Bergerak
- Jualan produk Komuniti MADANI
- Pertandingan Busana Kreatif (Kebangsaan)
- *Fun Walk & Sukaneka Rakyat*
- Cabutan bertuah bernilai lebih RM2,000
- Pertandingan karaoke Kenegaraan
- Pertandingan mewarna kanak-kanak

Menurut Puan Rohani binti Chik, Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Pahang, “Karnival ini merupakan satu platform yang lebih santai dan mesra bagi membina hubungan di antara pemimpin dan rakyat dalam memperkukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum, agama dan budaya serta menerapkan nilai-nilai murni.”

Karnival ini terbuka kepada seluruh masyarakat Negeri Pahang, khususnya warga Temerloh dan dijangka akan menarik seramai 1,000 orang pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat. Dengan adanya Karnival Kita MADANI Peringkat Negeri Pahang 2025, perpaduan dan keharmonian rakyat diharapkan dapat terus diperkukuh, seterusnya menyemarakkan semangat cintakan negara.

Orang ramai seluruh negeri Pahang dijemput hadir ke Karnival Kita MADANI Peringkat Negeri Pahang di Dewan Sri Ketumbit, Kerdau, Temerloh bagi memeriahkan lagi karnival ini. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung terus dengan **Encik Ahmad Aizuddin bin Miskandar** menerusi talian **019-277 0058** atau **Puan Nur Allyshia Ariana Low** menerusi talian **011-2942 1403**.

Disediakan oleh:

Unit Media

Cawangan Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan Negeri Pahang